

60 MINS BERSAMA CIKGU NUR

NOTA LENGKAP (BAB 1)

Disediakan Oleh :

Cikgu Nur

 **Subscribe**



**PENJUAL
DAN
PEMBELI**

**MENDAPATKAN
KEUNTUNGAN**

**BARANG &
PERKHIDMATAN**

KONSEP ASAS PERNIAGAAN



**KONTRAK
PERNIAGAAN**

**MEMENUHI
KEPERLUAN
&
KEHENDAK**

**PERTUKARAN
NILAI**

FAHAM KE? TAK FAHAM KITA TENGOK VIDEO NI OK!

KONSEP ASAS PERNIAGAAN




JENIS ORGANISASI

OBU

OBBU





MILIKAN TUNGGAL

Definisi	Sejenis aktiviti perniagaan yang dimiliki dan dikawal sepenuhnya oleh seorang individu sahaja
Sumber Pembiayaan	diperoleh daripada wang simpanan pemilik, pinjaman daripada saudara-mara, agensi kerajaan dan institusi kewangan.
Cukai	Pendapatan individu
Liabiliti	Tidak terhad
Proses pendaftaran	<pre>graph LR; A[Mengisi Borang carian nama] --> B[Mengisi Borang A]; B --> C[Hantar kepada Pendaftar Perniagaan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)]; C --> D[Membuat pembayaran RM30.00 jika nama sendiri, RM60.00 jika nama tred]; D --> E[Mendapatkan Borang D, iaitu Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan];</pre>
Contoh	Kedai runcit Ah Seng. Kedai Dobi Selva, Restoran Daun Pisang Mak Salmah

Kelebihan	Kekurangan
Mudah ditubuhkan	Diuruskan secara berseorangan
Tidak banyak syarat dan hanya memerlukan modal kecil	Sukar untuk berkembang kerana modal kecil
Mudah diurus kerana saiznya yang kecil	Beban kerja semua ditanggung oleh pemilik
Bebas menguruskan perniagaan	Perniagaan tidak berterusan
Keputusan dibuat oleh pemilik	Risiko perniagaan ditutup jika pemilik meninggal dunia
Beban cukai rendah	Sukar berkongsi kepakaran
Pemilik hanya perlu membayar cukai individu	Pemilik menanggung liabiliti tidak terhad

bersu cuka rendah
pemilik hanya perlu membayar
cukai individu

bersu cuka rendah

diuruskan secara berseorangan
sukar untuk berkembang kerana
modal kecil

diuruskan secara berseorangan

PERKONGSIAN

Definisi	kerjasama antara dua atau lebih individu bagi menjalankan perniagaan.
Sumber Pembiayaan	Sumbangan rakan kongsi
Penubuhan Perkongsian	Lisan atau bertulis (Akta Perkongsian 1961 untuk yang tidak bertulis)
Kandungan Perjanjian	<ul style="list-style-type: none">• nama firma• nama semua rakan kongsi• peruntukan berkaitan dengan hak dan tanggungjawab rakan kongsi, jenis• tempat perniagaan• nisbah pembahagian keuntungan atau kerugian• cara menjalankan perniagaan dan menamatkan perkongsian.
Ciri-ciri perkongsian	<ul style="list-style-type: none">• bilangan rakan kongsi umumnya adalah dalam lingkungan 2 hingga 20 orang.• Perkongsian profesion jumlah rakan kongsi adalah tidak melebihi 50 orang.• perniagaan yang dijalankan secara perkongsian juga tertakluk di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Pindaan 1978).
Jenis dan liabiliti rakan kongsi	<ul style="list-style-type: none">• Rakan kongsi berhad (LT – Tiada kuasa pengurusan, dibenar cek rekod & akaun)• Rakan kongsi aktif (LTT – Gaji bulanan)• Rakan kongsi biasa (LTT – Berhak mengurus)• Rakan kongsi lelap (LTT – Hanya modal)• Rakan kongsi nominal (LTT – tiada modal, hanya nama)

NABBiL



Copyright Cikgu Nur

PERKONGSIAN


Jenis Perkongsian	Perkongsian Biasa	Perkongsian Berhad	Perkongsian Liabiliti Terhad
Bil. Rakan kongsi	2 orang hingga 20 orang	2 orang hingga 50 orang	2 orang dan tiada had bilangan maksimum rakan kongsi
Liabiliti	Tidak Terhad	<ul style="list-style-type: none">• sekurang-kurangnya seorang rakan kongsi biasa yang menanggung semua liabiliti perniagaan (bertanggungjawab terhadap pengurusan perniagaan)• Beberapa orang rakan kongsi yang mempunyai liabiliti yang terhad (Tiada kuasa dalam pengurusan)	<ul style="list-style-type: none">• satu bentuk perniagaan alternatif yang menggabungkan ciri-ciri perkongsian dengan syarikat sendirian berhad. P• Liabiliti Terhad
Tanggungjawab rakan kongsi	<ul style="list-style-type: none">• menjaga kepentingan rakan kongsi lain• melindungi rahsia perniagaan termasuk rahsia kewangan, maklumat perniagaan dan akaun perniagaan• mencari peluang dan sumber tambahan bagi memajukan perniagaan yang dijalankan• memberikan idea dan pendapat bagi menyelesaikan setiap masalah yang timbul		

PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD

Definisi	satu bentuk perniagaan alternatif yang menggabungkan ciri-ciri perkongsian dengan syarikat sendirian berhad.
Ciri-ciri	<ul style="list-style-type: none">• Entiti berasingan• Liabiliti terhad• Hayat berterusan
Kelebihan	<ul style="list-style-type: none">• entiti berasingan• fleksibiliti perniagaan• liabiliti terhad• penjimatan kos <p>(PLT tidak tertakluk kepada sistem audit dan pematuhan pada undang-undang berkanun. Tiada had bilangan maksimum rakan kongsi atau keperluan modal minimum.)</p>
Contoh	Teguh Jaya PLT, Seri Cahaya PLT



Kelebihan	Kekurangan
<p>Modal lebih besar Lebih banyak modal dapat dikumpulkan oleh rakan kongsi</p>	<p>Modal terhad Sukar untuk berkembang kerana modal masih terhad berbanding dengan syarikat berhad</p>
<p>Mudah ditubuhkan Tidak banyak peraturan perlu dipatuhi</p>	<p>Perniagaan tidak berterusan Perniagaan terbubar jika rakan kongsi meninggal dunia, muflis atau wujud perselisihan faham</p>
<p>Berkongsi kepakaran Gabungan tenaga rakan kongsi menambahkan pengetahuan, kepakaran dan pengalaman yang diperlukan perniagaan</p>	<p>Liabiliti tidak terhad Aset peribadi rakan kongsi boleh digunakan untuk menjelaskan hutang perniagaan</p>



SYARIKAT BERHAD

Apakah Syarikat berhad?	<ul style="list-style-type: none">• entiti yang didaftarkan secara sah dengan SSM dan tertakluk di bawah Akta Syarikat 1965.• ditubuhkan oleh sekumpulan individu bagi tujuan menjalankan aktiviti perniagaan.
Keanggotaan	<ol style="list-style-type: none">1) Ahli Lembaga Pengarah<ul style="list-style-type: none">• Ahli lembaga pengarah yang paling kanan akan dilantik sebagai pengarah urusan syarikat.• Ahli lembaga yang lain terdiri daripada pengarah eksekutif yang menetapkan pelbagai polisi dan membuat keputusan-keputusan berkaitan dengan perniagaan.2) Pemegang saham<ul style="list-style-type: none">• Pemegang saham merupakan pihak yang memegang kepentingan dalam bentuk milikan saham.
Hak pemegang saham	<ol style="list-style-type: none">(a) mengundi dalam mesyuarat agung tahunan(b) mendengar dan memberikan pendapat tentang laporan tahunan aktiviti dan laporan kewangan syarikat(c) mempersoalkan polisi syarikat jika difikirkan perlu(d) mengundi untuk meluluskan atau menolak setiap cadangan yang dibawa oleh ahli lembaga pengarah(e) mengundi untuk melantik ahli lembaga pengarah
Jenis	<ul style="list-style-type: none">• Syarikat Sendirian Berhad• Syarikat Berhad

SDN BHD

BHD

Pemegang saham

Ahli keluarga atau rakan-rakan yang rapat.

Orang awam

Ciri-ciri

- tertakluk kepada Akta Syarikat 1965
- 2 orang hingga 50 orang
- saham syarikat tidak boleh diurusniagakan di Bursa Malaysia
- pindah milik saham hanya boleh dilakukan dengan kebenaran ahli lembaga pengarah
- mudah mendapatkan modal
- modal tambahan dapat diperolehi dengan menerbitkan syer
- pemegang saham juga menanggung liabiliti terhadap
- pemegang saham terbesar syarikat berhak untuk mengawal setiap operasi syarikat


- dua orang hingga tiada had maksimum.
- sahamnya boleh diurusniagakan di Bursa Malaysia.
- pemegang saham asal menanggung risiko kehilangan kawalan atas syarikatnya jika terdapat pembelian saham dalam kuantiti yang besar (saham majoriti) oleh pihak tertentu dalam usaha untuk mengambil alih pengurusan syarikat daripada pemegang saham asal.

Contoh

Neelofar Sdn Bhd


CIMB Bank Berhad

Kelebihan	Kekurangan
<p>Modal lebih besar Lebih banyak modal dapat dikumpulkan melalui terbitan syer</p>	<p>Penawaran syer terhad Syer hanya boleh ditawarkan kepada saudara dan rakan (Maksimum 50 orang)</p>
<p>Liabiliti terhad Jika syarikat muflis, pemegang syer hanya rugi setakat modal yang dilaburkan sahaja</p>	<p>Beban cukai yang tinggi Kadar bayaran cukai syarikat adalah tinggi</p>
<p>Hal ehwal syarikat dirahsiakan Laporan kewangan tidak perlu diumumkan kepada orang ramai</p>	<p>Syer tidak boleh dipindah milik secara bebas Pindah milik syer perlu mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah</p>









PRINSIP - PRINSIP KOPERASI

1. Keanggotaan sukarela dan terbuka kepada sesiapa sahaja.

2. Kawalan secara demokratik oleh anggota

3. Anggota berhak terlibat dalam ekonomi.

4. Kebebasan autonomi


5. Bekerjasama antara koperasi

6. Pendidikan, Latihan dan maklumat disediakan.

7. Prihatin terhadap komuniti



LANGKAH-LANGKAH PENUBUHAN KOPERASI



KELEBIHAN
VS
KEKURANGAN
KOPERASI



- LIABILITI TERHAD
- PENTADBIRAN DEMOKRASI
- CUKAI RENDAH
- REBAT

- KADAR PULANGAN RENDAH
- PEMISAHAN PEMILIKAN
- PEMILIKAN SYER TERHAD
- PINDAH MILIK SYER TERHAD




KOJUTA
KOPERASI JURUKUR TANAH BERLESEN BERHAD



KUGPISTM
KOPERASI USAHAWAN GROOM BIG
PERLIS BERHAD

FRANCAIS

hubungan antara dua pihak dari segi perjanjian urus niaga antara franchisor dengan franchisee.



syarikat induk yang memiliki hak asal atas jenama produk.

- ✓ Dapat kembangkan perniagaan
- ✓ Menikmati ekonomi bidangan
- ✓ Berkongsi risiko perniagaan
- ✓ Platform menembusi pasaran baharu

- ✓ Boleh menjejaskan reputasi
- ✓ Peningkatan kos sokongan
- ✓ Kesukaran memilih francaisi yang berdaya saing

Francaisor



Francaisi



syarikat yang membeli hak kebenaran untuk menggunakan jenama daripada francaisor.

- ✓ Menjalankan perniagaan sistematik
- ✓ Reka bentuk seragam
- ✓ Mendapat sokongan pengurusan
- ✓ Risiko kegagalan rendah
- ✓ Jaringan perniagaan yang luas
- ✓ Tidak perlu pengalaman berniaga

- ✓ Kawalan kualiti
- ✓ Terikat dengan perjanjian
- ✓ Tiada inovasi dan inisiatif memajukan perniagaan
- ✓ Yuran atau royalti yang tinggi

JENIS-JENIS FRANCAIS

BERFORMAT



PENGANJUR



PENGILANGAN PRODUK




WAKIL PENGEDAR



LESEN BERTANDA DAGANG




USAHASAMA

suatu perkongsian strategik antara dua atau lebih individu atau syarikat dan mereka bersetuju untuk bekerjasama mengeluarkan barang atau perkhidmatan dalam jangka masa yang tertentu.



- 
- 
- ✓ Meluaskan pasaran
 - ✓ Meningkatkan dana perniagaan
 - ✓ Meningkatkan kepakaran
 - ✓ Risiko dikongsi bersama

- 
- ✓ Menimbulkan konflik
 - ✓ Kegagalan akan beri imej buruk
 - ✓ Perbezaan budaya menyukarkan pengurusan





SOALAN 1

Gambar 1 berkaitan dengan dua jenis organisasi perniagaan.



FELDA Holdings Bhd



Nyatakan perbezaan antara Organisasi A dengan Organisasi B dari aspek tujuan penubuhan dan sumber kewangan [4 markah]



JAWAPAN :

Perbezaan antara Organisasi A dan Organisasi B dari aspek tujuan penubuhan dan sumber kewangan ialah :

ASPEK	ORGANISASI A	ORGANISASI B	
Tujuan Penubuhan	Memaksimumkan keuntungan	Menjaga kepentingan dan kebajikan ahli	[1m + 1m]
Sumber kewangan	Daripada modal sendiri/pinjaman/keuntungan perniagaan	Yuran keahlian/sumbangan/derma /masyarakat/syarikat swasta	[1m + 1m]

[TOTAL : 4 markah]



SOALAN 2

Gambar 1 menunjukkan suatu pemilikan perniagaan.



Berdasarkan gambar tersebut,

- (i) Apakah bentuk milikan perniagaan tersebut dan jenis aktiviti yang dijalankan. [2 markah]
- (ii) Terangkan dua kelebihan bentuk pemilikan perniagaan di (i). [4 markah]

JAWAPAN :

i. Bentuk milikan perniagaan tersebut ialah syarikat sendirian berhad manakala jenis aktiviti yang dijalankan ialah berasaskan perkhidmatan dan barang.

F1

[TOTAL : 2 markah]

F2

ii. Dua kelebihan syarikat sendirian berhad ialah :
a) liabiliti terhad

F1

Segala kerugian atau tuntutan hanya terhad kepada syarikat sahaja dan tidak melibatkan harta peribadi pemegang syer.

H1

[TOTAL : 4 markah]

b) Laporan kewangan tahunan dirahsiakan
Syarikat tidak perlu mengumumkan laporan kewangan syarikat kepada orang ramai.

F2


H2



SOALAN 3

Gambar 1 menunjukkan perbualan antara Encik Danish dan Encik Taufik

1 Gambar 1 menunjukkan perbualan antara Encik Danish dengan Encik Taufik.



- Berikan dua jenis bentuk pemilikan perniagaan yang dicadangkan oleh Encik Taufik. [2 markah]
- Nyatakan dua aspek untuk menentukan klasifikasi perniagaan tersebut. [2 markah]



JAWAPAN :

a) Dua jenis perniagaan yang dicadangkan oleh Encik Taufik ialah:

- i. Perkongsian biasa F1
- ii. Perkongsian berhad F2

[TOTAL : 2 markah]

b) Dua aspek untuk menentukan klasifikasi perniagaan tersebut ialah:

- i. Saiz F1
- ii. Sektor F2

[TOTAL : 2 markah]



SOALAN 4

Gambar 1 merupakan sebuah organisasi perniagaan.



Gambar 1 merupakan sebuah organisasi perniagaan.

- a) Apakah saiz dan skala perniagaan di atas? [2 markah]
- b) Nyatakan empat kebelihan perniagaan yang bersaiz di (i). [4 markah]



JAWAPAN :

a) Saiz dan skala perniagaan bagi perniagaan Huawei ialah :

- i. Saiz perniagaan adalah besar F1
- ii. Skala perniagaan adalah berskala global. F2

[TOTAL : 2 markah]

b) Empat kelebihan perniagaan bersaiz besar ialah

- i. Modal dan keuntungan besar F1
- ii. Menikmati ekonomi bidangan F2
- iii. Dapat menguasai pasaran F3
- iv. Wujudnya pengkhususan dalam pengurusan F4

[TOTAL : 4 markah]



SOALAN 5

- 1 a) Nyatakan konsep sesebuah perniagaan ditubuhkan. [6 markah]
- b) Terangkan dua kesan kepada perniagaan akibat kegagalan mencapai matlamat dan objektif [4 markah]
- 2 Jelaskan perkembangan sektor perniagaan di Malaysia pada era :
- a) Selepas merdeka [2 markah]
- b) 1990-an [2 markah]



JAWAPAN :

1 a) Konsep sesebuah perniagaan ditubuhkan ialah

- i. Penjual dan pembeli
- ii. Barang dan perkhidmatan
- iii. Keperluan dan kehendak
- iv. Keuntungan perniagaan
- v. Kontrak perniagaan
- vi. Pertukaran nilai

F1

F2

F3

F4

F5

F6

[TOTAL : 6 markah]

b) Dua kesan kepada perniagaan akibat kegagalan mencapai matlamat dan objektif ialah

- i. Jualan perniagaan akan merosot.
Jualan merosot akan menjejaskan keuntungan sekaligus akan mengganggu tadbir urus syarikat kerana kewangan yang terhad..
- ii. Imej perniagaan terjejas
Imej perniagaan di mata pihak berkepentingan akan tercalar dan akan mneyebabkan kesukaran untuk mendapat Kerjasama daripada pihak berkepentingan.

F1

H1

[TOTAL : 4 markah]

F2

H2



JAWAPAN :

Perkembangan sektor perniagaan di Malaysia pada era berikut adalah :

a) Selepas merdeka

- i. Negara tertumpu kepada sektor pertanian dan dikenali sebagai pengeluar getah dan bijih timah.
- ii. Perniagaan sukar berkembang dengan menumpukan pada sektor utama semata-mata kerana pendapatan tidak stabil.

b) 1990-an

- i. negara menumpukan perniagaan kepada sektor pembuatan dan kurangkan tumpuan pada sektor utama.
- ii. Negara berusaha meningkatkan hasil keluaran pengeluar tempatan menerusi pengilangan produk tempatan dan dipasarkan.



H1

[TOTAL : 2 markah]

H2

H3

[TOTAL : 2 markah]

H4

SOALAN 6

Gambar 1 berkaitan dengan sejenis perniagaan.



Aizat Jaya Enterprise
Pengeluar roti
lembut buatan
Bumiputera

RM6.00/PEK



1. a) Nyatakan dua ciri milikan perniagaan bagi gambar di atas.
b) Terangkan tiga kekurangan pemilikan perniagaan di atas.
2. Jelaskan jenis rakan kongsi di bawah
 - i. Rakan kongsi nominal
 - ii. Rakan kongsi biasa

[2 markah]

[6 markah]

[2 markah]

JAWAPAN

1 a) Dua ciri milikan tunggal ialah :

i. sumber kewangan diperolehi daripada wang simpanan sendiri atau pinjaman daripada keluarga dan saudara mara.

F1

ii. Perniagaan diuruskan secara fleksibel bergantung kepada keputusan pemilik perniagaan.

F2

[TOTAL : 2 markah]

b) i. **Modal yang kecil**

Oleh kerana sumber kewangan milikan tunggal diperolehi daripada wang simpanan sendiri atau pinjaman daripada keluarga dan saudara mara, maka ia agak terhad.

F1

H1

ii. **Beban kerja ditanggung bersendirian**

F2

[TOTAL : 6 markah]

Tiada pengkhususan kerja dalam perniagaan milikan tunggal serta diuruskan oleh pemilik sendiri, maka pemilik menanggung beban kerja bersendirian.

H2

iii. **Sukar untuk bersaing**

F1

Untuk kekal bersaing dan mengembangkan perniagaan memerlukan kewangan yang mencukupi. Oleh kerana sumber kewangan agak terhad, maka agak sukar untuk bersaing.

H3

2) i. Jenis rakan kongsi nominal ialah rakan kongsi yang hanya menyumbang nama dan tidak menyumbangkan sebarang modal.

H1

ii. Jenis rakan kongsi biasa ialah rakan kongsi yang menyumbangkan modal dalam perniagaan dan mempunyai hak untuk menguruskan perniagaan.

H2

[TOTAL : 2 markah]

SOALAN 7

1. Gambar berikut menunjukkan dua buah perniagaan yang menjalankan jenis milikan perniagaan yang sama.



- (a) Nyatakan kelebihan dan kekurangan perniagaan ini?
- (b) Jelaskan empat cabaran perniagaan bersaiz kecil.

[6 markah]
[4 markah]



JAWAPAN

1 a) Kelebihan dan kekurangan francais ialah :

FRANCAIS			
Kelebihan		Kekurangan	
• Dapat kembangkan perniagaan	F1	• Boleh menjejaskan reputasi	F4
• Menikmati ekonomi bidangan	F2	• Peningkatan kos sokongan	F5
• Berkongsi risiko perniagaan	F3	• Kesukaran memilih francais yang berdaya saing	F6



[TOTAL : 6 markah]

b) Empat cabaran bersaiz kecil ialah :

- i. Perlu memikirkan strategi untuk meluaskan pasaran kerana pasaran sedia ada yang kecil dan terhad. H1
- ii. Perlu memotivasikan pekerja kerana pekerja merupakan faktor penting dalam sesebuah perniagaan. H2
- iii. Menghadapi masalah aliran tunai yang kurang cekao apabila pelanggan lambat menjelaskan hutang. H3
- iv. Kawalan ke atas kos overhead untuk memastikan perniagaan tidak menghadapi risiko penamatan perniagaan akibat menanggung kos overhead yang berlebihan. H4

[TOTAL : 4 markah]

SOALAN 8

Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Syafiq.

Saya ada wang tunai sebanyak RM500,000. Saya ingin menjadi seorang usahawan yang berjaya. Namun begitu saya tiada pengalaman dalam perniagaan. Bagaimana kaedah terbaik untuk saya mulakan perniagaan?

- a) Jika anda ialah Encik Syafiq, apakah bentuk perniagaan yang anda akan pilih? Jelaskan. [3 markah]
- b) Nyatakan empat kelebihan bentuk perniagaan ini kepada anda. [4 markah]



JAWAPAN

1 a) Jika saya ialah En., Syafiq saya akan memilih perniagaan Francais atas alasan berikut:

FI

i. Saya tidak mempunyai pengalaman berniaga. Perniagaan francais menyediakan standard prosedur operasi dan sistem perniagaan yang sistematik untuk saya gunakan.

HI

[TOTAL : 3 markah]

ii. Saya akan mendapat keizinan menggunakan cap dagang francaisor yang telah dikenali yang dapat membantu saya meluaskan pasaran tanpa menanggung beban kos pemasaran yang tinggi.

HI

[TOTAL : 4 markah]

b) Kelebihan perniagaan Francais kepada francaisi ialah :

i. Dapat menjalankan perniagaan secara sistematik

FI

ii. Mendapat sokongan pengurusan, latihan dan sokongan.

F2

iii. Risiko kegagalan rendah kerana jenama sudah dikenali ramai

F3

iv. Jaringan perniagaan yang luas

F4



SOALAN 9

Gambar 1 menunjukkan perubahan daripada jenis sebuah milikan perniagaan kepada jenis milikan perniagaan lain.



- Nyatakan maksud jenis milikan perniagaan yang ditukar? [1 markah]
- Terangkan tiga ciri milikan perniagaan tersebut. [6 markah]



JAWAPAN

- a) Jenis milikan perniagaan yang ditukar ialah Perkongsian Liabiliti Terhad PLT. **F1** [TOTAL : 1 markah]
- b) Tiga ciri-ciri Perkongsian Liabiliti Terhad ialah :
- Entiti berasingan.** **F1**
Pemilik dan perniagaan merupakan dua pihak yang berbeza dan mempunyai hak untuk menyaman. **H1**
 - Liabiliti berhad** **F2**
Semua rakan kongsi mempunyai tanggungan terhad setakat modal yang dilaburkan. **H2**
 - Hayat berterusan** **F3**
Perniagaan tetap berterusan walaupun berlaku perubahan seperti rakan kongsi meninggal dunia atau muflis. **H3**



[TOTAL : 6 markah]

SOALAN 10



Perniagaan A



Perniagaan B

- I a) Nyatakan skala perniagaan organisasi A dan B. [2 markah]
b) Jelaskan perbezaan skala perniagaan A dengan skala perniagaan B. [6 markah]




JAWAPAN

F1

I a) Skala perniagaan organisasi A ialah skala tempatan manakala skala perniagaan organisasi B ialah skala kebangsaan. F2

b) Perbezaan skala tempatan dan skala kebangsaan ialah: [TOTAL : 2 markah]



PERBEZAAN	
Skala Tempatan	Skala Kebangsaan
H1 1. Skala perniagaan bersaiz kecil-kecilan kerana pasarannya hanya terhad di sesuatu tempat sahaja.	H4 1. Skala perniagaan bersaiz besar kerana mempunyai pasaran yang besar yang meliputi seluruh negara.
H2 2. Memenuhi keperluan dan kehendak pengguna tempatan sahaja.	H5 2. Mempunyai system pengedaran yang kompleks kerana perlu mengagihkan produk ke seluruh negara.
H3 3. Mempunyai potensi berkembang yang terhad kerana sentiasa menghadapi persaingan yang sengit.	H6 3. Mempunyai peluang untuk berkembang dan mendapat untung yang banyak kerana menikmati ekonomi bidangan.

[TOTAL : 6 markah]

Follow



Cikgu Nur TV

Follow



<https://t.me/joinchat/AAAAAFdmTjMPRCc6-XLwGA>

Follow



Cikgu Nur